

# WORLDVIEW DAN AMALAN: PENGALAMAN KADAZAN DATARAN PENAMPANG SABAH

*Hanafi Hussin*

## Abstract

This article discusses worldview and its importance in the community life of westcoast of Sabah with reference to the Kadazan community in Penampang, Sabah. Worldview serves as a guide in their lifestyle which gradually becomes their traditional practice. The systematic lifestyle is guided by structured worldview interpretation which is binding through various rituals. The performed ritual could determine balance lifestyle between human being and spirits. Multi-faceted performances performed to ensure harmonious co-existence. The harmonious lifestyle without any interference either from good or bad spirits denotes the state of continuous state of *osogit* (cool) among the Dusun. In relation thereto, the state of co-existence between human being and spirits would be perceived as *ahasu* if there is no continuous harmony between them.

## Pengenalan

Worldview yang ditafsir oleh komuniti Kadazan di Pantai Barat Sabah melalui konsep *make-belief* dan *efficacy* telah menjadi panduan hidup seharian khususnya dalam konteks kepercayaan dan amalan tradisi. Komuniti Kadazan merupakan salah satu daripada etnik Kadazandusun yang terdapat di negeri Sabah yang terdiri daripada 50 kumpulan *Austronesian ethnolinguistic* dengan 13 daripadanya membentuk kumpulan bahasa *Dusunic*, sepuluh membentuk keluarga bahasa *Murutic* (selatan Sabah) dan lima kumpulan membentuk keluarga bahasa *Paitanic* (sepanjang sebelah timur Sabah). Setiap bahasa dalam kumpulan ini membentuk budayanya yang tersendiri.<sup>1</sup> Apabila Donald Stephens membentuk *The Society of Kadazans*, beliau memasukkan semua kumpulan peribumi di Sabah di bawah nama Kadazan. Pendekatan ini kemudiannya digunakan oleh *Kadazan Cultural Association* (KCA) memasukkan kumpulan *Murutic* dan *Paitanic* sama seperti nama dialek-dialek yang lain.

Perbincangan tentang worldview akan difokuskan kepada beberapa perkara mengenai tanggapan Kadazan tentang dunia di sekeliling yang merangkumi alam nyata dan alam spiritual. Ia merangkumi konsep ruang yang terdiri daripada langit, bumi dan dalam tanah. Setiap satu daripadanya mempunyai lapisan-lapisannya dengan nama-nama yang tertentu serta dihuni oleh makhluk-makhluk ciptaan Tuhan pencipta iaitu *kinoingan*. Alam nyata (fizikal) dihuni oleh manusia dan makhluk-makhluk lain, fauna dan flora manakala alam spiritual (ghaib) dihuni oleh roh dan semangat yang terdiri daripada semangat baik (*dudui*) dan semangat

jahat (*ompuvan*). Dalam kehidupan seharian kesemua ciptaan di alam nyata dan alam spiritual saling berinteraksi dan sentiasa menjaga keseimbangan perhubungan. Perhubungan yang sentiasa seimbang membolehkan kehidupan manusia alam nyata dan roh serta semangat di alam spiritual berada dalam keadaan sejuk (*osogit*). *Osogit* berlaku apabila manusia sentiasa menjaga hati dan perasaan semangat dalam bentuk ritual sebagai jamuan kepada mereka dan jika mereka tidak dipedulikan, maka semangat tersebut akan marah dan mengganggu kehidupan manusia yang menyebabkan keadaan panas (*ahasu*).

## Kadazan Dataran Penampang

Daerah Penampang terletak di Bahagian Pantai Barat negeri Sabah dan bersempadan dengan bandar raya Kota Kinabalu, Daerah Tuaran, Papar dan Tambunan. Luas kawasan ini dahulunya 180 batu persegi, tetapi kini 178.948 batu persegi di mana kawasan seluas 0.406 batu persegi (260 ekar) dimasukkan dalam kawasan Kota Kinabalu pada 28 Jun 1999.<sup>2</sup> Daerah ini terbahagi kepada dua bentuk muka bumi yang nyata<sup>3</sup> iaitu kawasan tanah rata yang mengunjur ke persisiran pantai dan kawasan tanah tinggi yang terdiri daripada bukit-bukau di Banjaran Crocker meliputi hampir 70 peratus daripada keseluruhan bentuk muka bumi. Oleh itu, 30 peratus daripadanya adalah kawasan tanah rendah yang membentuk dataran subur yang dikenali sebagai Dataran Penampang. Ia terdiri daripada kampung-kampung dan mukim yang dibahagikan mengikut pembahagian kawasan pilihan raya iaitu kawasan N16 Moyog dan N17 Petagas seperti dalam Jadual 1 dan sebahagian daripadanya dapat dilihat dalam Peta 1.

Ia merupakan daerah yang paling maju di negeri Sabah dalam pelbagai bidang baik sosial, ekonomi mahupun politik yang membuatkan ia menjadi tumpuan pelbagai kaum seperti Kadazandusun, Bajau, Melayu, Cina, Murut, Bumiputera lain serta warga asing. Majoriti penduduknya adalah Kadazandusun yang merangkumi 32 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk.<sup>4</sup> Jadual 2, menunjukkan statistik kedudukan komuniti Kadazandusun berbanding dengan

**Jadual 1: Daerah Penampang: Mukim dan Kampung Mengikut Kawasan Pilihan raya (kawasan N16 Moyog & N17 Petagas)**

Kawasan N16 Moyog				Kawasan N.17 Petagas Mukim Petagas
Mukim I	Mukim II	Mukim III	Mukim IV	
1. Buayan	1. Babaig	1. Bokok/Kituau	1. Guno	1. Pekan Taman Jumbo
2. Babagon	2. Inobong	2. Babah/Bunduon	2. Kepayan	2. Pekan Kepayan
3. Kibunut	3. Kibabaig-Proper	3. Dahab	3. Koidupan	3. Perumahan Kepayan
4. Longkogungan	4. Kimoligan	4. Donggongan	4. Kobusak	4. Kg. Ganang
5. Moyog	5. Kolopis	5. Hungab	5. Lido	5. Kg. Peringatan
6. Madsiang	6. Putaton	6. Hubah	6. Mogoputi	6. Kg. Petagas
7. Notorus	7. Pogunon	7. Limbanak	7. Nosoob Baru	7. Kg. Tengah Padang
8. Tampasak	8. Penampang	8. Maang	8. Nagasiba	8. Kg. Muhibah
9. Timpangoh-Laut	9. Sarapung	9. Nambazan	9. Tunoh	9. Kg. Contoh
10. Terian	10. Tindai	10. Penapah/Kondis	10. Taman Delima	
11. Togudon	11. Tanaki/Kambau	11. Ramayah	11. Taman Nosoob	
	12. Dabak	12. Sugud	12. Sukod	
		13. Tinduuzon		

Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (Sabah), 2000.

Peta 1: Kawasan Dataran Penampang: Tumpuan komuniti Kadazan khususnya kawasan sawah padi (warna kuning) dan kawasan pertanian lain (warna hijau)



Sumber: Jabatan Ukur, Sabah.



**Jadual 2: Penduduk Daerah Penampang Mengikut Kumpulan Etnik dan Jantina**

KUMPULAN ETNIK A. WARGANEGARA	JANTINA		Jumlah Kumpulan Etnik
	LELAKI	PEREMPUAN	
1. Kadazandusun	21,898	22,278	44,176
2. Bajau	6,051	5,759	11,810
3. Melayu	10,272	9,443	19,715
4. Cina	12,557	11,660	24,217
5. Murut	586	587	1,173
6. Bumiputra Lain	6,442	6,215	12,657
7. Lain-lain	2,442	2,287	4,729
<b>B. BUKAN WARGANEGARA</b>			
(Tiada Pecahan Etnik)	9,170	9,355	18,525
Jumlah	69,418	67,584	137,002

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000 (Buku Tahunan Perangkaan Sabah, 2003)

etnik-etnik lain dari segi jumlah penduduk Penampang. Kadazan merupakan salah satu sub-etnik Kadazandusun mendiami Daerah Penampang yang lebih disenangi dengan panggilan Kadazan. Ramai berpendapat bahawa Kadazan merupakan istilah lama untuk suku kaum Dusun di Sabah yang dipercayai wujud sejak zaman nenek moyang iaitu sebelum kemasukan orang-orang Brunei dan pentadbiran British. Ini dapat dilihat daripada jenis mantera atau *inait* yang digunakan oleh *bobohizan*<sup>5</sup> di Daerah Penampang mengikut kawasan iaitu *Potiang* (paling tinggi), *Tangaah* (kawasan tengah) dan *Kadazan* di kawasan rendah khususnya di Dataran Penampang. Sebagai suku bangsa Dusun, komuniti Kadazan Penampang berkongsi latar belakang bangsa yang sama iaitu mempercayai mitos dan mengamalkan kepercayaan tradisi seperti yang digambarkan oleh Herman Luping dalam petikan di bawah;

“The Kadazans have their own myths or legends regarding their origin. Briefly, the Kadazans believe that they are the descendants of “Kinoingan” and “Suminundu” (both supernatural beings or gods) who once lived under a tree known as “Nunuk Ragang”. “Nunuk Ragang” is in Tampias, between Telupid and Ranau. These two supreme beings, it was believed, begot children, the ancestors of various Kadazan tribes in Sabah. The legends about Kadazan origins vary from place to place, but the “Nunuk Ragang” connection is common. The various Kadazan tribes today share a common heritage” (1994: 3).

Petikan tersebut jelas menunjukkan komuniti Dusun berkongsi mitos asal-usul keturunan iaitu *nunuk ragang*.<sup>6</sup> Memandangkan bahawa mereka tersebar luas di seluruh Sabah, khususnya di bahagian Pantai Barat maka suku bangsa mereka dikenali mengikut nama tempat-tempat tersebut seperti yang ada pada hari ini seperti Rungus (Kudat), Miragang (Ranau), Liwan (Tambunan), Kwuijau (Keningau), Idaan (Kota Belud dan Lahat Datu), Orang Sungai (Kinabatangan), Lotud (Tuaran), Tangaah (Penampang and Papar) dan Tatana (Kuala Penyu). Selain itu terdapat banyak kumpulan etnik yang lebih kecil dengan nama suku etnik masing-masing.<sup>7</sup>

## Worldview Kadazan

Worldview komuniti Kadazan tradisional terbentuk daripada amalan animisme dan kepercayaan terhadap kewujudan kuasa makhluk-makhluk di alam spiritual (ghaib). Amalan animisme merupakan kepercayaan yang bukan sejagat ataupun *universal* tentang kewujudan kuasa-kuasa *supernatural*, pemujaan sesuatu objek, kehidupan untuk mendapatkan ganjaran, hukuman selepas meninggal dunia, kerasukan semangat-semangat ke badan manusia (*exorcism*) ataupun kepercayaan bahawa roh manusia akan lari daripada jasad dan pemujaan kepada peralatan-peralatan yang didiami oleh kuasa-kuasa ghaib (*fetish*) serta lain-lain lagi.<sup>8</sup> Worldview komuniti Kadazan tradisional menjadi teras kepada pembentukan, kepercayaan dan amalan dalam kehidupan mereka. Pada dasarnya worldview ini sentiasa mengalami perubahan namun masih berpegang kepada amalan dan pandangan dunia yang menjadi teras kepada penerusan dan pembentukan identiti mereka. Oleh itu, secara umumnya worldview sebagai cadangan dan pandangan yang ditetapkan tentang sekelompok organisasi, kedudukan material dan bukan material serta dunia sosial mereka. Kelompok organisasi ini merupakan suatu yang kompleks, dinamik dan selalu berlaku pertembungan serta percanggahan pelbagai idea yang berkaitan, pemerhatian, simbol dan juga amalan keseluruhan individu mengenai budaya yang mempunyai kaitan dengan persekitaran sistem ekologi.

Worldview menampakkan keinginan manusia untuk mengetahui dan memahami fenomena dan kejadian alam semulajadi telah mendorong mereka memberi pelbagai tafsiran termasuk sebab dan akibat.<sup>9</sup> Berdasarkan kepada pemikiran dan pemahaman ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh alam persekitaran (tempat kediaman) yang kemudiannya membentuk worldview masyarakat tersebut secara menyeluruh. Worldview turut didefinisikan sebagai satu set gambaran dan andaian mengenai dunia yang juga merupakan proses yang berlaku dalam keadaan realiti tetapi tidak secara *universal* yang dilalui oleh masyarakat tersebut.<sup>10</sup> Imej dalam istilah ini mempunyai dua makna iaitu berbentuk visual dan mental yang diolah melalui pengalaman, perkataan, gambaran, pertuturan, pendengaran serta sentuhan. Teori ini juga dipecahkan kepada beberapa komponen penting seperti ruang (*space*), masa (*time*), diri sendiri dan lain-lain (*self and others*). Manakala hubungan di antara kategori-kategori ini juga dilihat dan dikaitkan kepada beberapa aspek seperti petanda buruk, sistem adat dan sistem hirarki.

Di antara kaedah-kaedah yang dilakukan untuk mengenal pasti worldview mereka adalah melalui cerita-cerita mitos, legenda dan ritual serta mantera hasil dari pemerhatian dan temubual dengan *bobohizan*. Mantera atau *inait* sangat penting

dalam kehidupan masyarakat tradisi di mana ia lahir serentak dengan kewujudan masyarakat atau kelompok manusia. Mereka menyebut sesuatu yang berunsur magis untuk meminta perlindungan kuasa ghaib supaya terlepas daripada sebarang malapetaka sehingga menjadikan mantera lebih fungsional dan sesuai dengan pola pemikiran yang bersifat norma realiti.<sup>11</sup> Oleh itu, mantera yang disampaikan sebagai puisi simbolik mempunyai makna dan fungsi yang dapat menggambarkan cara hidup dan corak kepercayaan masyarakat. Corak hidup masyarakat yang banyak terdedah kepada masalah dan fenomena alam menyebabkan mereka berfikir tentang diri dan alam dalam hubungan dengan kuasa ghaib. Unsur alam seperti laut, hutan, bukit, hujan, ribut dan sebagainya amat mempengaruhi hidup mereka. Sehubungan itu alam keliling turut mencorakkan kepercayaan mereka.<sup>12</sup>

*Inait Pampang* yang diperoleh daripada *bobohizan* menceritakan tentang asal-usul pencipta (Minamangun) dan isterinya serta usaha mereka untuk mencipta alam fizikal dan spiritual yang turut menggambarkan unsur alam tersebut, maka worldview Kadazan dapat ditafsir berdasarkan amalan, pengalaman dan cara kehidupan yang diwujudkan sejak dahulu lagi. Pembentukan worldview ini walau bagaimanapun, sentiasa mengalami perubahan dan ia diolah dari semasa ke semasa berdasarkan perubahan zaman, pengaruh elemen-elemen luar, ideologi, pergolakan sosial, politik dan ekonomi. Pendekatan yang digunakan dalam mengkaji worldview mereka adalah untuk mengenal pasti beberapa asas pembentukan kepercayaan ini melalui generasi tua. Generasi ini masih mempercayai dan mengamalkan animisme terutamanya di kalangan beberapa orang *bobohizan* dan beberapa keluarga di Daerah Penampang. Pendekatan lain yang diambil melalui analisis mantera-mantera yang digunakan di dalam ritual di samping beberapa buah mitos serta tradisi lisan. Kesemua hasil tersebut dapat memberikan gambaran worldview mereka.

Komuniti Kadazan tradisional mempercayai bahawa struktur alam semesta termasuk dunia yang didiami oleh mereka adalah tersusun dan diatur secara sistematik dan berhirarki. Secara umumnya, dahulu mereka mempunyai persepsi dan definisi tersendiri mengenai peraturan alam semesta dan juga asal-usul. Mereka juga beranggapan bahawa dunia di sekeliling merupakan pusat kepada alam nyata dan alam spiritual. Kesemua sistem ini telah diwujudkan oleh pencipta semasa mencipta dunia dan segala yang wujud di alam semesta ini. Terdapat pelbagai versi cerita mitos dan legenda yang diwarisi secara lisan mengenai asal-usul dan ciptaan dunia yang ditafsir daripada *inait pampang* tersebut yang biasanya dilafazkan oleh para spesialis ritual semasa upacara *moginakan*.<sup>13</sup>

Mereka mempercayai bahawa semangat di alam ghaib dicipta untuk menjaga tingkah laku manusia agar tidak melanggar adat. Kuasa yang diberikan adalah berbeza-beza iaitu yang baik membantu manusia manakala yang jahat akan mengganggu kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, kuasa-kuasa *supernatural* ini haruslah dijaga dan tidak boleh diabaikan. Sekiranya ada pergolakan yang berlaku di antara kedua-dua kehidupan di alam nyata dan alam spiritual, ia perlu diamankan dengan mengadakan ritual. Justeru itu, pelbagai ritual telah diadukan sepanjang tahun dengan tujuan mewujudkan keseimbangan perhubungan di antara manusia dan semangat di alam spiritual.

Dengan berpandukan kepada kewujudan dunia fizikal manusia dan alam spiritual maka worldview dan kehidupan Kadazan berkisar kepada pemahaman mereka tentang konsep ruang atau alam serta hubungan penghuninya iaitu manusia sesama manusia dan manusia dengan makhluk di alam spiritual. Konsep

ruang atau alam Kadazan merangkumi langit (*hibabou*), bumi (*hiniba*) dan dalam tanah (*sahom tana*).

## Alam Kadazan: Langit, Bumi dan Dalam Tanah

Konsep ruang atau alam dalam worldview Kadazan tradisional secara kasar adalah berdasarkan kepada kedudukan dan pembahagian alam semesta secara fizikal merangkumi langit (*hibabou*), bumi (*hiniba*) dan dalam tanah (*sahom tana*). Ia merupakan konsep ideal yang telah ditetapkan oleh pencipta mereka yang dihuni oleh makhluk alam nyata dan alam ghaib dengan peranan masing-masing dalam menjalani kehidupan. Pada dasarnya mereka dapat membezakan bahawa alam semesta ini dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu di bahagian atas langit dipanggil *savat* dan dalam bahasa ritual ia disebut sebagai *hibabou*, bumi atau alam nyata iaitu *hiniba* dan dalam tanah dipanggil *sahom tana*. Manakala konsep ataupun gambaran terperinci tentang kosmos ini hanya diketahui oleh pakar ritual yang sememangnya arif tentang penyusunan dan pembahagiannya dengan bumi diibaratkan berada di lapisan tengah bulatan (Rajah 1).


Bumi yang menjadi pusat alam semesta didiami oleh manusia dan juga pelbagai semangat yang kadangkala boleh dilihat dan tidak boleh dilihat. Mereka dicipta serentak dengan manusia oleh *Minamangun* yang ditempatkan di kawasan masing-masing dan dipisahkan melalui sempadan-sempadan yang dipanggil *pihohitan* dan hanya boleh ditembusi oleh *bobohizan* sebagai perantaranya. *Inait* yang dilafazkan oleh *bobohizan* dalam ritual alam semesta ini dibahagikan kepada tiga lapisan iaitu *hibabou* (dunia atas awan), *hiniba* (bumi tempat kediaman manusia) dan *sahom tana* (dunia bawah tanah) (Rajah 2). Kebiasaannya lapisan-lapisan ini dijadikan sebagai panduan kepada *bobohizan* semasa mengendalikan ritual dengan lapisan kosmos ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.

### Langit@Awan (*hibabou*)


Langit atau *hibabou* merupakan lapisan yang paling atas dan terletak di atas bumi iaitu untuk kuasa-kuasa alam spiritual yang tertinggi atau yang paling berkuasa iaitu tuhan pencipta. Kadangkala ia disebut *savat* ataupun *divato* yang bermaksud tempat yang tinggi di atas kepala dan kedudukannya lebih tinggi jika di bandingkan dengan manusia. Selain tempat kediaman pencipta, ia juga merupakan tempat makhluk-makhluk lain yang turut mempunyai kuasa antaranya pemegang semangat dan roh-roh manusia (*poingigit koduduvo*) atau semangat padi (*bambaazon*) seperti yang dilafazkan oleh *bobohizan* dalam *inait* mereka. Terdapat beberapa pihak yang mentafsir *inait bobohizan* dengan mengatakan bahawa langit yang terdiri daripada tujuh lapisan dibahagikan kepada empat lapisan utama, iaitu *savat kopizo/divato* (lapisan pertama),<sup>14</sup> *hizonon susukuon* (lapisan kedua),<sup>15</sup> *totobuson* (lapisan ketiga)<sup>16</sup> dan *tavan* (lapisan keempat)<sup>17</sup> seperti dalam rajah 1.

Kesemua lapisan ini didiami oleh semangat baik dan jahat, sentiasa berinteraksi dengan manusia walaupun ia tidak kelihatan. Semangat jahat atau *ompuvan* merupakan penyebab pelbagai malapetaka kehidupan manusia jika tidak disaji dengan jamuan yang berterusan. Semangat ini boleh berada di bumi dan juga di *hibabou* sebagai semangat yang paling ditakuti oleh manusia kerana dianggap sebagai *poingigit koduduvo*. Kadangkala mereka juga akan memilih roh

Rajah 1: Lapisan Dunia dan Penghuni (Manusia dan Semangat) Mengikut World view Kadazan Penampang



Rajah 2: Lapisan Dunia dan Penghuni (Manusia dan Semangat) Mengikut World view Kadazan Penampang





manusia untuk didampingi. Manakala semangat baik atau *moinat* akan membantu manusia mempunyai kuasa luar biasa untuk mengubati penyakit dan mentafsir pelbagai kejadian. Keistimewaan semangat ini boleh berada di mana sahaja sama ada di atas awan atau di dunia kerana kuasa yang ada pada mereka. Ini menggambarkan keadaan di lapisan ini adalah sangat harmoni dan tenang dengan semangat-semangat yang banyak membantu manusia seperti *Kombuongoh* atau *zonzulai*. *Kombuongoh* juga berada di bumi sebagai sejenis tumbuhan iaitu jerangau (*acermus calamus*) untuk membantu *bobohizan* menjadi perantara di antara manusia dengan semangat.

### **Bumi (Hiniba)**

Merupakan kawasan tengah dalam kosmos Kadazan yang menjadi pusat kepada alam semesta. Dunia manusia dikaitkan dengan kehidupan yang nampak dengan menjalinkan hubungan dengan alam sekitar bagi meneruskan kehidupan dan keselamatan. Dalam konteks kehidupan pula, manusia dan alam semula jadi sama ada ia terdiri daripada pelbagai jenis tumbuhan, binatang dan makhluk alam spiritual mestilah *co-exist* di antara satu dengan yang lain. Tumbuhan dan binatang merupakan persekitaran manusia yang utama, maka manusia harus menjalinkan hubungan yang baik bagi memastikan kesinambungan dan kelangsungan kehidupan dan keselamatan. Ini terbukti di mana jalinan hubungan dengan tumbuhan khususnya padi terbukti melalui amalan pelbagai jenis ritual padi. Manakala jalinan hubungan terhadap binatang pula terpelihara dengan amalan pantang-larang ataupun *taboo* terhadap binatang. Mereka juga mempercayai bahawa setiap makhluk sama ada binatang atau tumbuh-tumbuhan asalkan bernyawa mempunyai roh yang dipanggil *tusod-tusod*.

Komuniti Kadazan yang mengamalkan kepercayaan animisme mempercayai bahawa bumi didiami oleh pelbagai jenis semangat yang ada kaitan dengan kehidupan seharian. Ia terdiri daripada semangat baik dan jahat yang telah ditetapkan oleh pencipta mereka untuk berada di kawasan masing-masing dan akan berpindah ke kawasan lain sekiranya diganggu. Kadangkala mereka akan memberontak dengan membalas dendam terhadap manusia yang akan mengakibatkan manusia mendapat sakit dan meninggal dunia. Makhluk-makhluk ini mempunyai kehidupan mereka sendiri seperti manusia hidup berkelompok dan bermasyarakat serta mempunyai sistem kekeluargaan. Makhluk-makhluk ini sangat sensitif dan perlu dipujuk serta dirayu dengan pelbagai jenis ritual seperti yang telah ditetapkan oleh nenek moyang melalui adat-istiadat. Ritual dilakukan oleh *bobohizan* bertujuan untuk memberi jamuan kepada semangat-semangat yang hidup di kalangan manusia terutamanya *bambaazon*,<sup>18</sup> *dudui*,<sup>19</sup> *miontong*,<sup>20</sup> *ompuvan*,<sup>21</sup> *tombivo*,<sup>22</sup> *tompulalangoi*,<sup>23</sup> *logon*,<sup>24</sup> *tundabi*,<sup>25</sup> *todungkung*<sup>26</sup> dan lain-lain.

### **Dalam Tanah (Sahom Tana)**

Lapisan ini berkeadaan gelap dan panas dengan kawasan yang paling bawah adalah neraka di mana setiap manusia yang melakukan pelbagai kejahatan semasa mereka hidup akan di hantar ke kawasan ini. Ia disebut oleh *bobohizan* lapisan tanah perkuburan iaitu tempat pengkebumian komuniti Kadazan. Lapisan ini dikatakan tempat penginapan roh manusia yang baru meninggal dunia. Ritual hendaklah diadakan selepas tiga minggu mayat dikebumikan yang dipanggil *momihozop* bertujuan untuk menyedarkan roh si mati bahawa beliau sudah mati

dan rohnya akan dihantar ke tempat persemadian yang abadi iaitu *pongouvan*. Roh manusia tidak lagi dibenarkan mengganggu keluarga yang masih hidup. Penentuan sama ada roh tersebut akan ditempatkan di syurga atau neraka dilakukan oleh *minamangun*. Kawasan ini juga penuh misteri dan turut didiami oleh pelbagai semangat yang tidak tenteram dan perlu juga diberi perhatian utama apabila melakukan ritual. Sekiranya tidak dijamu mereka akan mengakibatkan pelbagai penyakit kepada manusia. Antara semangat yang dikenal pasti menetap di kawasan ini adalah *pimbaza-baza*,<sup>27</sup> *logon gazo*,<sup>28</sup> *ombuakar* dan *tambaig*.<sup>29</sup>

Mengikut worldview Kadazan ketiga-tiga lapisan dunia ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian perhubungan yang nyata iaitu alam fizikal dan alam spiritual. Alam fizikal dihuni oleh manusia manakala alam spiritual dihuni oleh para semangat. Perhubungan manusia dengan alam fizikal atau hubungan manusia sesama manusia iaitu manusia sebagai aktor utama, individu dan institusi yang mengimplementasikan worldview iaitu orang tua/ketua kampung (*huguan pogun*), konsul peringkat kampung (*sinompu'woan komohoingan*), majlis penasihat agama (*sinompu'woan bobohizan*) dan para pahlawan (*sinompu'woan pangazou*). Perhubungan manusia dengan alam spiritual berteraskan kepada konsep ketuhanan mereka yang berfokus kepada pencipta (*minamangun*) dan hal-hal yang bersangkutan iaitu mitos asal-usul pencipta, manusia dan alam semesta, interaksi manusia dengan alam nyata, alam ghaib dan alam nyata, kepercayaan kepada petanda, semangat jahat (*ompuvan*) dan semangat baik (*dudui*) serta tempat pengabdian roh manusia yang telah meninggal (*pongouvan*).

## Alam Spiritual dan Penghuninya

### *Pencipta (Minamangun)*

Kuasa tertinggi iaitu *supernatural* atau *supreme deities* bagi komuniti Kadazan tradisional adalah *Kinoingan* atau *kinopunan* yang bererti pencipta yang pertama dan isterinya *Suminundu* atau *Huminodun*. Mereka diibaratkan sebagai tuhan yang mencipta segala-galanya di bumi dan langit.<sup>30</sup> Mereka dikelilingi oleh semangat-semangat yang dipanggil *tasab himpot* untuk membantu di alam manusia khususnya *bobohizan*.<sup>31</sup> Mereka berasal daripada sebuah batu besar yang dipanggil *pampang* yang diketahui melalui cerita-cerita mitos tradisi lisan yang dikisahkan dalam bentuk mantera yang dipanggil *pampang* semasa ritual *moginakan* (makan besar) dijalankan.

Melalui mitos perbuatan makhluk ghaib seolah-olah menjadi sesuatu yang realiti.<sup>32</sup> Mantera ini turut mengisahkan bagaimana pencipta dan isterinya mencipta objek-objek lain serta makhluk di alam yang dicipta oleh mereka. *Kinoingan* menghadapi kesukaran untuk mencari makanan untuk manusia ciptaan mereka dan segala benih yang ditanam tidak mendatangkan hasil. Beliau telah merantau jauh untuk mendapatkan makanan masih lagi gagal dan *Suminundu* telah didatangi oleh suara untuk mengorbankan anak perempuan mereka *Izoton@Poninzuvung* bagi dijadikan makanan untuk masyarakatnya. Namun, sebelum dikorbankan beliau sempat berpesan kepada ibunya agar seluruh anggota badannya ditanam dan hasilnya mengeluarkan pelbagai jenis tanaman termasuklah padi. Setelah *Kinoingan* pulang dan mendapat tahu akan hal sebenar pengorbanan anaknya, merasa terlalu kecewa lalu ingin memusnahkan semua tanaman yang

tumbuh dari tubuh badan anaknya, namun tiba-tiba kedengaran suara anaknya meminta bapanya membersihkan kawasan pokok padi tersebut serta melakukan pelbagai jenis ritual untuknya dan para semangat lain yang berada di situ.

Semasa melakukan *moginakan* beliau berpesan kepada seluruh makhluk ciptaannya agar menjaga perdamaian sesama mereka dan ketika itu kedengaran suara dari tempayan besar (gusi) bekas menyimpan air tapai dan kelihatan anak mereka *Izoton* yang sedang mengandung. Mereka memanggilnya dengan nama *Poninzuvung* yang bererti berkurung dan membawa anak mereka bersama ke langit. *Poninzuvung* melahirkan anak kembar ganjil dan menangis tidak berhenti yang membuatkan *Kinoingan* dan isterinya mengambil keputusan untuk menghantar kembar tersebut ke kawasan yang dipanggil *tongusan* dan mereka kemudian membiak menjadi *logon* ataupun hantu yang sering mengganggu manusia.

Kemunculan padi adalah hasil daripada pengorbanan *Izoton*, dan semangatnya merupakan semangat padi dipanggil sebagai *Bambaazon* dan kewujudannya sangat utama dalam kehidupan Kadazan. Secara tidak langsung ia juga menggambarkan cara berfikir, budaya dan amalan animisme mereka ketika itu dan telah mengukuhkan lagi persepsi bahawa komuniti Kadazan tradisional sejak dahulu lagi mempunyai hubungan secara langsung dengan alam fizikal dan alam spiritual. Penerusannya dikaitkan dengan pelbagai proses ritual yang diamalkan dan menjadi panduan kepada mereka seolah-olah wujudnya kuasa *supernatural* dan terbentuknya sebuah kepercayaan yang diamalkan secara berterusan. Asal-usul padi yang dikaitkan dalam kejadian dunia di kalangan masyarakat Kadazan tradisional tidak hanya tinggal begitu sahaja malah turut dipercayai dan disandarkan sebagai dasar kebudayaan yang akhirnya berkembang menjadi kepercayaan dan amalan nenek moyang mereka. Pada masa kini amalan ini telah dipengaruhi oleh unsur sosiopolitik dan ekonomi maka beberapa aspek sahaja dari ritual padi ditonjolkan yang menjadi ikonografi kepada pembentukan identiti etnik Kadazan tradisional secara kolektif melalui pementasan perayaan *Kaamatan*.

### ***Semangat Baik (Dudui) dan Jahat (Ompuvan)***

Semangat-semangat baik (*dudui*) dicipta untuk memainkan peranan penting dalam pembentukan kehidupan mereka sejak dahulu lagi. Sistem amalan dan kepercayaan masyarakat ini juga memfokuskan peranan khas semangat-semangat ini sehinggalah menjadi pegangan dalam meneruskan kehidupan mereka. Pada dasarnya semangat-semangat ini dicipta dengan peranan tertentu tetapi kadangkala ia juga seperti manusia menjadi terlalu sensitif dan mengabaikan tanggungjawab mereka sehinggalah dipujuk dan dirayu melalui ritual. Semasa upacara-upacara khas mereka akan diberikan ganjaran sama ada dalam bentuk sajian, puji-pujian dan pujukan sehinggalah mereka berpuas hati dengan persembahan tersebut dan barulah mereka menjalankan tugas dan peranan seperti yang telah ditetapkan oleh pencipta mereka. Semangat-semangat baik yang dikenal pasti antaranya adalah *bambaazon* (semangat padi), *dudui* (penjaga padi), *miontong* (penjaga rumah), *kombuonogh* atau *zonzulai* (penjaga bobohizan),<sup>33</sup> *sumisi*,<sup>34</sup> *buazo*,<sup>35</sup> *sinampas*<sup>36</sup> dan *kondiu*.<sup>37</sup>

Manakala semangat jahat (*Ompuvan*) dalam worldview komuniti Kadazan tradisional kebiasaannya lebih banyak mendatangkan malapetaka dan merbahaya kepada kehidupan manusia dan ia perlu dihindarkan. Semangat-semangat ini

dicipta sebagai agen untuk menguji kesabaran dan daya kepintaran manusia untuk mengatasi kecelakaan dengan memberikan sajian kepada mereka. Secara tidak langsung kemampuan manusia untuk bekerja keras dan pandai menyeimbangkan keadaan merupakan kunci kejayaan kehidupan yang diwarisi sejak dahulu lagi. Sekiranya mereka mendapat hasil pertanian yang lumayan terutamanya padi maka kemampuan mereka untuk memberi sajian dan menyenangkan semangat di alam spiritual akan berlaku dengan baik sekali. Semangat-semangat jahat yang sering diberikan sajian antaranya adalah *ompuvan*, *logon gazo*, *logon*, *tombivo*, *tompulalangoi*, *tundabi*, *pimbaza-baza*, *ombuakar* dan *tambaig*.

**Roh Manusia**

Komuniti Kadazan tradisional mempercayai bahawa, seseorang yang telah meninggal dunia rohnya akan terbahagi kepada dua, iaitu yang bersemadi bersama mayatnya dalam kubur yang dipanggil sebagai *gagandap* dan kemudian ke *pongouvan*<sup>38</sup> yang dipanggil sebagai *koduduvo*. Setelah roh tersebut sampai ke kawasan ini mereka tidak akan mengingati lagi kehidupan semasa di dunia dan tidak akan kembali untuk mengganggu manusia. *Pongouvan* dipercayai terletak di Gunung Kinabalu dicipta oleh *suminundu*, isteri *kinoingan* sebagai jantung dunia

**Jadual 3: Lapisan Dunia dan Penghuninya Menurut World View Kadazan Penampang**

Lapisan Dunia		Semangat Baik	Semangat Jahat
<i>Hibabou</i>	<i>savat kopizo/divato</i>	<i>Kinoingan</i> (Tuhan Pencipta) <i>Suminundu/Hominodun</i> (isteri <i>Kinoingan</i> )	
	<i>hizonon susukuon</i>	<i>Zonzulai/kombuongoh</i> , <i>kondiu</i> <i>Sinampapas</i> <i>Sumisi</i>	
	<i>Totobuson</i>		<i>Ompuvan</i>
	<i>Tavan</i>	<i>Moinat</i>	<i>Ompuvan</i> <i>Logon</i>
<i>Hiniba</i>		<i>Manusia</i> <i>Bambaazon</i> <i>Dudui</i> <i>Miontong</i> <i>Tompulalangoi</i> <i>Tundabi</i> <i>Todungkung</i>	<i>Ompuvan</i> <i>Tombivo</i> <i>Logon</i>
<i>Sahom tana</i>		Roh manusia baru meninggal	<i>Pimbaza-baza</i> <i>Logon gazo</i> <i>Ombuakar</i> <i>Tambaig</i>



(*poingigit do pomogunan*) atau pemegang roh manusia yang telah meninggal dunia menyebabkan komuniti Kadazan tradisional mempercayai ia merupakan tempat yang sakral dan simbolik. Justru, setiap kali *bobohizan* melakukan ritual untuk orang yang meninggal dunia, mereka akan menuju ke arah Gunung Kinabalu melalui proses *modsu'ut*.<sup>39</sup>

Tempat ini dianggap sebagai persinggahan semua roh manusia sebelum ditentukan sama ada ditempatkan di syurga ataupun neraka. Maka, setiap manusia yang telah meninggal perlu diberikan ritual khas untuk membantu roh ini pergi ke *pongouvan*. Pengurusan mayat haruslah mengikut adat tradisi untuk memudahkan rohnya ke kubur dan *pongouvan*. Adalah menjadi satu kemestian setiap yang telah meninggal untuk dikorbankan seekor kerbau untuk si mati membawanya sebagai makanan ke dunia orang yang telah meninggal. Maka, beliau akan dihormati dan disegani kerana dianggap datang daripada keluarga berada kerana turut membawa bersama kerbau tersebut.

## Alam Fizikal dan Penghuni

Komuniti Kadazan tradisional menganggap kosmos berbentuk bulat di mana manusia berada di tengah-tengahnya yang mempunyai cita rasa dan tabiat semula jadi yang dicipta oleh pencipta mereka. Setiap tabiat ini adalah gambaran sebagai manusia dan ada persamaan dengan makhluk-makhluk lain yang hidup bersama mereka di dunia tetapi cuma dalam bentuk dan rupa yang berlainan. Setiap anak yang baru lahir akan diberi nama panggilan dan nama timang-timangan. Kerana dengan mempunyai dua nama bukan sahaja menggambarkan antara badan mereka secara fizikal tetapi juga secara spiritual. Ia adalah untuk mengelirukan makhluk-makhluk jahat yang mengakibatkan manusia mendapat sakit. Sebagai contoh, sekiranya seseorang bayi itu sentiasa sakit dan tidak boleh diubati, *bobohizan* akan mengatakan bahawa ia adalah permainan makhluk jahat dan nama bayi tersebut harus diganti kerana nama kedua sebagai pelindung kepada roh manusia daripada disakiti oleh makhluk di alam spiritual.

Setiap manusia mempunyai semangat yang dipanggil *divato* dan merupakan elemen asas kepada tubuh seseorang. *Divato* boleh keluar daripada jasad manusia dalam beberapa keadaan seperti bermimpi di mana semangat ini akan merayau mengikut kisah mimpi yang dialami oleh seseorang dan akan kembali ke dalam tubuh manusia sewaktu terjaga daripada tidurnya. *Divato* merupakan semangat perempuan manakala *hamak* adalah semangat lelaki dan adakalanya memanggil semangat manusia ini sebagai *sinduvan*. Manakala semangat yang keluar merayau-rayau dan jika terserempak dengan makhluk jahat seperti *ompuvan*, *logon*, *tombivo* dan lain-lain perlu dielakkan kerana mereka suka semangat manusia dan boleh menyebabkan manusia sakit dan mati.

Semangat-semangat di alam ghaib boleh menguasai keadaan dan mengakibatkan manusia boleh menjadi jahat dan ganas seperti dirasuk syaitan. Secara tidak langsung konsep *divato* atau *hamaak* dianggap berperanan dalam mengawal ataupun membendung kehidupan dalaman manusia menghadapi perkara-perkara buruk seperti perlakuan jahat, perbuatan-perbuatan yang dianggap berdosa dan juga mendapat pelbagai penyakit. Manusia mempunyai bentuk kehidupan yang diklasifikasikan sebagai fizikal dan spiritual. Istilah fizikal adalah disamakan dengan badan manusia yang dipanggil *inan* yang harus dijaga dan

dihormati kerana ia membentuk sebahagian daripada diri dalaman ataupun *inner self*.

### ***Manusia sebagai Aktor***

Manusia merupakan ciptaan tuhan yang utama disifatkan sebagai pelakon utama atau aktor di bumi (*hiniba*). Sewaktu di dunia, manusia telah diberi nyawa dengan setiap anggota badan manusia diberikan penjaganya dalam bentuk semangat. Misalnya setiap bahagian tulang yang bersambung dalam badan dengan semangatnya *koduduvo*. Penjaga atau semangat ini sangat sensitif dan boleh lari atau meninggalkan badan manusia sekiranya berlaku kemalangan, mimpi buruk, berjumpa dengan semangat jahat, dibawa lari oleh semangat-semangat lain khususnya ke tempat-tempat yang penuh dengan semangat dan penunggu. Justru, manusia perlu sentiasa berhati-hati untuk memastikan roh dalam badan mereka tidak lari meninggalkan mereka. Jika ia berlaku mereka akan mendapat sakit, lemas badan, sentiasa bermimpi buruk, malas, gila dan lain-lain lagi.

Mereka harus bekerja keras dengan menanam padi dan lain-lain tanaman untuk keperluan hidup dan pada masa yang sama harus mengadakan ritual yang telah ditetapkan oleh pencipta. Manusia haruslah memberikan pelbagai sajian kepada semangat alam spiritual bagi mengelakkan daripada diganggu. Konsep hidup harmoni di antara kehidupan di alam nyata dan alam spiritual haruslah dijaga dan dijadikan panduan hidup di samping memelihara adat dan tradisi mereka. Sekiranya konsep ini dapat diamalkan maka manusia akan dianugerahkan kehidupan yang aman dan sentosa, hasil padi yang lumayan serta harta yang banyak dan kehidupan yang lebih selesa. Secara tidak langsung sesiapa yang mengamalkan kehidupan yang tertib mengikut kehendak pencipta, mereka akan mendapat penghormatan bukan sahaja di alam nyata tetapi juga kehidupan di alam spiritual. Ketiga-tiga elemen kehidupan yang berada di kawasan ini haruslah seimbang dan saling hormat-menghormati dengan peranan utamanya dimainkan oleh manusia.

### ***Manusia Sebagai Pelaksana Worldview***

Setiap aspek budaya mempunyai fungsinya yang khusus dalam masyarakat yang mengamalkannya bagi melicinkan perjalanan sistem sosial supaya manusia dapat hidup harmoni dengan makhluk di alam spiritual dan antara sesama manusia. Struktur kehidupan begini telah menjadi asas kepada pembentukan sistem adat dan pantang larang komuniti Kadazan tradisional di Dataran Penampang yang secara tidak langsung ada kaitan dengan sistem politik, ekonomi dan sosial. Pembentukan institusi adat diwujudkan berdasarkan undang-undang tradisional dengan mengambil kira pelbagai unsur kehidupan di alam nyata dan alam ghaib yang ditadbirkan secara tradisional dan komunal. Bagi memastikan agar masyarakat itu terus wujud, pelbagai proses sosial haruslah seimbang untuk memenuhi keperluan sistem adat ini. Ia mempunyai fungsi-fungsi tertentu yang akan memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat yang akan turut membantu mengekalkan struktur dan keseimbangan masyarakat tersebut<sup>40</sup> dan ini dapat dilihat pada Kadazan tradisional mewujudkan institusi adat untuk memastikan kehidupan yang aman dan seimbang agar suatu kehidupan yang ideal tercapai.

Sistem adat dipelihara dan sekiranya ia dipermain-mainkan, ia akan dihukum kerana menjadi punca utama berlakunya bencana alam, wabak penyakit,

tanaman tidak menjadi dan kematian. Sebagai contoh, perlakuan sumbang (bapa ataupun emak melakukan zina dengan anak sendiri) adalah dianggap sebagai perbuatan melanggar adat yang sangat serius dan akan dihukum mati ataupun dibuang daripada kampung. Sekiranya mereka tidak dihukum maka perkara-perkara yang buruk akan berlaku kepada kampung tersebut seperti bencana dan musibah serta gangguan terhadap tanaman. Justru, sistem adat inilah yang dapat mengawal keadaan agar ia tidak dilanggar dan sentiasa dipatuhi oleh masyarakat ketika itu yang dilakukan oleh empat buah institusi yang mentadbirnya sama ada di peringkat kampung ataupun satu suku dengan suku yang lain. Ia adalah *huguan pogun* (Orang Tua atau Ketua Kampung),<sup>41</sup> *sinompu'uan komohoinan* (Konsul Peringkat Kampung),<sup>42</sup> *sinompu'uan bobohizan* (Majlis Penasihat Keagamaan)<sup>43</sup> dan *pangazou* (Pahlawan).<sup>44</sup>

## Interaksi Manusia Dengan Alam Nyata dan Alam Spiritual

Komuniti Kadazan tradisional mempercayai terdapat dua konsep tentang dunia iaitu alam nyata (*natural*) dan alam spiritual (*ghaib*). Pada umumnya, alam nyata boleh disamakan dengan konsep terang manakala alam spiritual disamakan dengan konsep gelap. Konsep gelap dan terang adalah simbolik yang primer dan simbolisme yang dihasilkan oleh konsep ini tidak sahaja berbeza di antara konsep dari segi tema kosmologinya.<sup>45</sup> Maka tema ini penting dalam menterjemahkan entiti-entiti metafizikal. Pemecahan alam kepada dua konsep yang wujud dalam minda Kadazan telah membayangkan kepercayaan mereka kewujudan makhluk-makhluk lain di dunia dan manusia akan sentiasa berhadapan dengannya secara sedar mahupun tidak. Secara umumnya kedua-dua alam ini dipisahkan melalui garis yang dipanggil *pibohitan* atau *pogisaman* dan manusia tidak boleh menembusnya kecuali melalui perantara (*spirit medium*) semasa berlangsungnya ritual. Manakala semangat di alam spiritual dapat menembusi sempadan ini kerana kuasa luar biasa yang dimiliki.

Semangat yang diwujudkan oleh pencipta di alam spiritual seolah-olah menguji ketabahan dan kesabaran manusia. Manusia harus tunduk dan patuh kepada adat dan amalan kepercayaan nenek-moyang untuk meneruskan kehidupan yang bersempadan dengan semangat di alam spiritual. Adalah menjadi tanggungjawab manusia untuk memastikan hubungan mereka seharian dengan alam spiritual harmoni dan seimbang bagi mengelakkan berlakunya pelbagai malapetaka buruk. Ini seolah-olah menggambarkan bahawa setiap langkah, gerak-geri dan aktiviti yang dilakukan oleh manusia didominasi oleh semangat di alam spiritual. Kewujudan semangat ini diibaratkan sebagai satu sekatan sosial kepada manusia agar terus mematuhi kehidupan yang diwarisi sejak zaman nenek-moyang mereka lagi dengan melaksanakan ritual yang dipersembahkan secara simbolik. Ikatan sosial di antara manusia dan semangat di alam spiritual ini perlu diperbaharui untuk kesinambungan perhubungan yang berterusan. Pada setiap ritual yang dilakukan pelbagai jamuan dan pujian, amaran dan pujukan dilakukan oleh *bobohizan* agar perhubungan dan rasa saling menghormati diteruskan. Ritual yang dilakukan cuba mengukuh dan meneruskan kesinambungan perhubungan serta menyatukan antara manusia dan semangat.

Oleh yang demikian interaksi manusia dengan alam nyata dan alam spiritual sentiasa membuatkan manusia mengingati akan kewujudan hal-hal di alam

spiritual. Kehidupan manusia pada masa ini sentiasa percayakan kepada petanda, konsep syurga dan neraka, konsep masa, percayakan mimpi dan keperluan manusia berkomunikasi dengan pencipta.

### **Petanda**

Petanda atau dalam bahasa Kadazan disebut *kopizo* iaitu petanda besar dan kecil memainkan peranan penting dalam kehidupan komuniti Kadazan tradisional. Misalnya, siulan burung dianggap petanda besar (*kopizo tagazo*) dan merbahaya, manakala petanda kecil tidak membahayakan. Petanda wujud dalam pelbagai bentuk seperti mimpi, berjumpa dengan binatang-binatang, serangga dan sebagainya. Petanda memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian dan selalunya berlaku melalui mimpi serta terdengar sesuatu. Melalui petanda ini niat dan permintaan semangat ini dapat diinterpretasikan dan sekali gus memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada manusia bagaimana untuk menjaga tingkahlaku di sepanjang hayat mereka. Kebanyakan petanda bersifat negatif dan menghalang kelancaran kehidupan seharian khususnya bertanam padi. Sekiranya petanda ini tidak dilayan, malapetaka akan berlaku maka, segala pekerjaan dan tanaman yang dilakukan tidak akan membawa sebarang hasil. Mimpi buruk juga menandakan harus menangguhkan sebarang pekerjaan dan kepatuhan kepada petanda selalunya diikuti dengan ritual dengan mengadakan pelbagai jenis sajian makanan dan minuman yang sebenarnya dipengaruhi atau dikawal oleh pelbagai jenis semangat khususnya semangat jahat. Jika engkar, kemungkinan hasil tanaman padi tidak akan menjadi kerana *kopizo* mengganggu tanaman. Keadaan boleh dipulihkan dengan mengadakan ritual tersebut. Amalan dan percayakan petanda tersebut merupakan suatu bentuk kawalan sosial yang paling kuat yang menjadi asas terpenting dalam pembentukan adat dan pantang larang. Oleh itu, secara ringkasnya amalan pantang larang wujud melalui rasa hormat masyarakat Kadazan tradisional kepada kuasa *supernatural*. Bagi memastikan keadaan sentiasa baik, maka manusia di alam nyata harus menjaga perhubungan yang baik dan seimbang dengan kuasa *supernatural* ini secara berterusan.

### **Syurga dan Neraka**

Konsep syurga dan neraka Kadazan tradisional adalah ringkas di mana seseorang yang berbuat baik, rohnya akan kekal bersemadi di *pongouvan* manakala seseorang yang berbuat jahat, rohnya (*gagandap*) akan dihukum oleh *logon gazo*. Hukumannya adalah berdasarkan dosa-dosa yang telah dilakukan mereka semasa masih hidup dan tempatnya dipanggil *tongusan* dan ada juga memanggilnya sebagai *tombozuvon*. Ia digambarkan dengan pelbagai keadaan seperti tempat yang gelap, panas dan tanah kubur berpusing-pusing. Neraka digambarkan sebagai tempat dipenuhi dengan kehidupan penuh sengsara seperti berada di tempat yang panas, berduri dan sentiasa gelap. Kawasan ini juga digambarkan berada di tempat yang paling bawah dan melintasi bumi. Roh-roh yang menetap di sini akan dikurung untuk selama-lamanya dan tidak akan diterima oleh dunia alam nyata dan alam ghaib kerana dosa yang mereka lakukan. Bagi roh baik yang telah diadili akan ditempatkan di *hibabou* dan roh yang banyak berbuat kebaikan akan ditempatkan di atas Gunung Kinabalu (*pongouvan*) iaitu tempat roh yang paling istimewa. Walau bagaimanapun, kadangkala roh mereka boleh dipanggil kembali oleh *bobohizan* apabila diminta oleh ahli keluarga.



### **Masa**

Masa memainkan peranan penting menentukan perjalanan hidup manusia. Komuniti Kadazan tradisional mempercayai kepada putaran masa satu pusingan sehari yang membezakan antara malam dan siang. Mereka juga mempercayai makhluk dan semangat di alam spiritual menjalani corak kehidupan yang sama dengan manusia yang mempunyai sistem kekeluargaan dan bermasyarakat. Makhluk-makhluk di alam spiritual akan tidur pada waktu siang dan aktif pada waktu malam. Perbezaan masa juga dikenal pasti melalui pantang-larang yang dipraktikkan oleh komuniti Kadazan tradisional antaranya larangan berjalan pada waktu malam kerana masa ini semangat di alam spiritual akan berkeliaran dan mencari mangsa untuk mengambil semangat manusia yang boleh menyebabkan manusia mendapat sakit. Kehidupan di alam ghaib adalah sentiasa gelap dan tidak mempunyai pancaran matahari. Konsep gelap digambarkan sebagai tempat yang penuh bahaya dan tidak diterima oleh manusia yang akan mengakibatkan kehidupan mereka diselangi oleh malapetaka dan pelbagai penyakit yang sukar diubati kecuali mengadakan ritual.

### **Mimpi**

Mimpi memainkan peranan penting dalam menentukan pelbagai keputusan dan arah tuju apa jua jenis pekerjaan dan amalan yang dilakukan oleh masyarakat tradisional Kadazan. Secara tidak langsung juga mimpi mempengaruhi dan mencorakkan kehidupan mereka. Semasa dalam keadaan mimpi, roh manusia (*kododuvo*) akan keluar daripada jasad mereka dan akan merayau-rayau ke merata-rata tempat dan pada masa ini jugalah berlakunya proses pertembungan dengan makhluk-makhluk di alam spiritual. Sekiranya roh manusia terlalu lemah bertembung dengan mereka, ia akan mudah dipengaruhi dan dibawa ke alam spiritual dan dikurung serta disakiti oleh semangat-semangat yang lain. Sekiranya roh manusia semakin hari semakin lemah dan sukar diubati serta kadangkala menjadi gila ataupun hilang ingatan maka upacara ritual harus dilakukan untuk memulihkannya. Kebiasaannya *bobohizan* yang mempunyai kuasa untuk berlawan dengan makhluk tersebut bagi memulihkan si pesakit.

Mimpi juga dapat menentukan sama ada segala kerja yang dilakukan oleh manusia akan diterima ataupun dipersetujui oleh makhluk di alam spiritual. Sekiranya persetujuan tidak diberikan kepada mereka maka manusia akan mendapat sakit serta tempat mereka juga akan ditimpa dengan pelbagai malapetaka dan bencana alam. Contohnya, sekiranya manusia mengerjakan ladang mereka seperti membuka tanah baru maka persetujuan daripada makhluk adalah diperlukan dan akan diketahui melalui proses mimpi. Justeru, komuniti Kadazan dahulunya sangat bergantung kepada mimpi dan menjadi kemestian untuk semua pandai menginterpretasikan mimpi mereka sama ada baik ataupun tidak. Sekiranya mimpi tersebut tidak baik maka manusia perlulah mencari alternatif lain untuk menyelesaikan masalah tersebut.

### **Komunikasi Manusia Dengan Pencipta**

Manusia merupakan ciptaan pencipta yang utama diibaratkan sebagai pelakon utama yang memainkan peranan penting di muka bumi (*hiniba*) dengan anugerah anggota badan yang lengkap dijaga oleh semangat yang dipanggil sebagai

*koduduvo*. Semangat ini dicipta sebagai *check and balance* terhadap perbuatan manusia di dunia agar tidak mengabaikan tugas dan keistimewaan yang diberikan kepada mereka. Mereka haruslah bekerja keras dan menanam padi serta tumbuh-tumbuhan lain bagi keperluan hidup tetapi pada masa yang sama harus mengadakan ritual mengikut takwim yang telah ditetapkan oleh pencipta. Di sini mereka haruslah memberikan sajian dan jamuan kepada semangat alam spiritual untuk mengelakkan daripada mengganggu kehidupan manusia. Konsep hidup berharmoni di antara kehidupan di alam nyata dan alam spiritual haruslah dijaga dan dipegang sebagai pedoman hidup di samping sebagai memelihara adat tradisi mereka. Sekiranya konsep ini dapat diamalkan maka manusia akan dianugerahkan kehidupan yang sejuk, hasil pertanian dan harta lumayan serta hidup selesa tanpa sebarang gangguan semangat alam spiritual.

### Keentingan Keseimbangan Alam Nyata dan Alam Spiritual

Keseimbangan antara alam nyata (*natural*) dan alam spiritual (*supernatural*) sangat diutamakan dalam kehidupan Kadazan dengan melakukan pelbagai jenis ritual seperti yang terdapat pada jadual 3.

**Jadual 3: Ritual Di Kalangan Komuniti Kadazan Dataran Penampang**

Ritual	Tujuan
<i>Maginakan</i> dan <i>Magang</i>	Ritual untuk isi rumah ( <i>household ritual</i> )
<i>Monogit</i> , <i>Magavau</i> dan <i>Humabot</i>	Ritual padi dari awal penanaman padi hingga kenduri kesyukuran padi selepas menuai. Sepanjang kajian, hanya tinggal ritual Monogit yang masih dilaksanakan
<i>Modimpuun</i>	Megubati penyakit dan mengembalikan semangat orang sakit
<i>Monohindog</i>	Untuk memulihkan semangat seseorang yang mendapat mimpi buruk " <i>nipitalaad</i> "
<i>Modsopi</i>	Untuk mengubati orang sakit mata.
<i>Popodu</i>	Ritual Perkahwinan
<i>Momisok</i> , <i>Mogukas</i> dan <i>Momohontog</i>	Ritual Kematian
<i>Magaau</i> / <i>Popitobus</i>	Ritual untuk memulihkan orang yang mendapat penyakit gila
<i>Mogidu</i>	Ritual untuk memulihkan penyakit yang menimpa kanak-kanak

Jika, keseimbangan tersebut tidak tercapai, kehidupan manusia akan terjejas dalam pelbagai hal terutama dari segi sosial dan ekonomi. Ia juga membuatkan keadaan alam sekitar tidak tenang dan seimbang. Amalan dan kepercayaan ini juga secara

tidak langsung dapat menjamin tingkah laku dan moral berada pada tahap yang paling tinggi serta mempunyai *aesthetic sense* yang dapat memberi ketenangan hidup kepada pengamalnya.

Konsep keseimbangan ini berdasarkan kepada konsep panas (*ahasu*) dan sejuk (*osogit*). Konsep ini berlandaskan kehidupan yang melibatkan elemen-elemen di antara kedua-dua dunia iaitu di alam nyata dan alam spiritual yang mesti diseimbangkan. Sekiranya kedua-dua elemen ini tidak diseimbangkan maka pelbagai perkara buruk akan berlaku bukan sahaja terhadap kehidupan manusia tetapi juga kepada alam semula nyata dan penghuninya. Pengimbangan ini amat penting yang melibatkan manusia di alam nyata dan semangat-semangat yang menetap di alam spiritual. Sekiranya manusia melanggar pantang ataupun tersalah langkah oleh manusia mengakibatkan keadaan tidak seimbang maka berlakunya keadaan panas di mana terjadinya pelbagai malapetaka yang tidak baik seperti hasil padi kurang, kehidupan tidak tenteram dan sering dilanda kemalangan, penyakit dan kadangkala kematian. Konsep sejuk pula menggambarkan keadaan normal yang menandakan suasana dan keadaan yang baik di mana hasil padi dan tumbuh-tumbuhan lain menjadi bagus dan lumayan, kehidupan manusia senang dan bahagia kerana tiadanya penyakit.

## Kesimpulan

Pembentukan worldview Kadazan tradisional kebanyakannya didasari oleh mitos yang disampaikan oleh pencipta kepada manusia melalui *inait* yang dilafazkan oleh *Bobohizan*. *Inait* dianggap paling komprehensif dan kudus serta mempunyai kuasa kerana ia datang dari pencipta yang diwarisi secara lisan yang membentuk kesatuan antara alam nyata (natural) dengan alam spiritual (*supernatural*). Kesatuan ini penting untuk menyeimbangkan perhubungan antara manusia dan semangat dengan mengadakan pelbagai ritual yang telah ditetapkan dalam kalendar atau pusingan kehidupan mereka. Kelihatan makhluk di alam spiritual mempunyai kuasa terhadap kehidupan seharian, kesihatan, kesuburan padi dan keselamatan manusia. Sistem kepercayaan yang diperngaruhi oleh worldview ini memandu kehidupan mengikut adat yang tertib di mana ia menggabungkan alam spiritual dan alam nyata dengan wujudnya pelbagai semangat baik dan jahat yang perlu disajikan dengan pelbagai ritual yang mengandungi makanan, minuman, muzik serta tarian untuk mewujudkan perhubungan yang seimbang. Ritual yang dijalankan memenuhi fungsi yang jelas (*manifest functions*) untuk menguatkan lagi ikatan kepercayaan komuniti Kadazan terhadap konsep ketuhanan dan perhubungan yang diwujudkan dengan alam spiritual.

Worldview yang terhasil juga membentuk nilai-nilai yang positif yang mempengaruhi gerak-geri manusia dimana ia diperhatikan oleh makhluk-makhluk di alam spiritual sama ada baik mahupun jahat. Sekiranya mereka tidak dihormati kehidupan akan menjadi sukar. Bagi meneruskan kehidupan manusia haruslah bersifat sederhana dan mengamalkan kehidupan yang harmoni baik sesama manusia mahupun sesama semangat. Ia akan menjadi amalan kehidupan yang terbaik dan kesannya akan dapat mengecap nikmat hidup yang selesa sama ada dari segi sosial, ekonomi mahupun politik. Walaupun worldview Kadazan tradisional terlalu kompleks namun terdapat pelbagai nilai yang baik seperti *moral conduct*, keseimbangan melalui rasa hormat-menghormati sesama manusia alam

nyata dan alam spiritual, menghormati orang-orang yang lebih tua, hidup bermasyarakat dan lain-lain. Ia menjadi contoh dan model yang terbaik bagi kehidupan Kadazan kini untuk memelihara budaya dan identiti mereka. Justeru, amalan kehidupan dan budaya yang diteruskan kini berasaskan worldview yang dibincangkan khususnya pelaksanaan sistem adat yang masih dipelihara hingga kini. Sistem ini mengiktiraf kuasa-kuasa mutlak terhadap ketua-ketua Daerah dan Ketua-ketua Anak Negeri serta ketua-ketua kampung untuk menjaga hak-hak anak negeri dan bumiputera serta adat tradisi mereka. Walaupun sistem adat tradisi komuniti Kadazan tradisional telah mengalami pelbagai proses perubahan dan pengolahan, namun ia masih lagi dapat bertahan dengan peraturan-peraturan disusun dan diimplimentasikan secara sistematik dengan mengikut prosedur yang berdasarkan agihan kuasa-kuasa mutlak melalui ordinan yang digazetkan seperti yang dinyatakan di atas. Ordinan ini telah memberikan ruang untuk meneruskan pemeliharaan adat tradisi komuniti Kadazan tradisional yang dianggap unik. Persoalan sama ada untuk meneruskan beberapa aspek worldview mereka sehingga kini sama ada benar ataupun salah telah mencapai tahap yang kritikal.

## Nota Hujung

---

<sup>1</sup> Ia termasuk Kadazandusun (kumpulan terbesar dengan empat dialek utama), Rungus (Kudat dan Semenanjung Bengkoka), Kimaragang (Kota Marudu), Tobilung (Kota Marudu dan sebahagian Daerah Pitas), Lotud (Tuaran), Labuk-Kinabatangan (Timur), Kadazan (juga dipanggil Dusun Labuk atau "Kadajan"), Kuiuau (Keningau), Tatana (Kuala Penyu), Bisaya (Beaufort dan Kuala Penyu), Papar (Kuala Penyu – bukan Kadazan dari Papar), Kadazan Sungai Klias, Dumpas (berhampiran Beluran) dan Tolinting (berdekatan Kota Marudu), Sonsogon yang dahulunya diklasifikasikan dalam bahasa *Dusunic* tetapi sekarang dianggap sebagai sebuah dialek Tambanua yang merupakan sebuah rumpun bahasa *Paitanic* yang besar di Daerah Pitas.

<sup>2</sup> *Pejabat Daerah Penampang*, Tahun 2000.

<sup>3</sup> Monica Glyn-Jones menjalankan kajian tentang Dusun Inobong Penampang (1953) menggambarkan bentuk muka bumi Daerah Penampang terbahagi kepada tiga kawasan geografi yang nyata iaitu Bahagian Banjaran Crocker, Dataran Pamah dan Lingkaran Pantai yang sempit. Keseluruhannya berkeluasan 130 batu persegi.

<sup>4</sup> Banci penduduk tahun 2000, jumlah penduduk Penampang seramai 137,002 dengan penduduk Kadazandusunya seramai 44,176 orang (21,898 lelaki dan 22,278 orang perempuan).

<sup>5</sup> Ahli atau pakar upacara. Mereka juga merupakan pengamal dan penyimpan khazanah budaya Kadazan. Mereka sangat arif mengenai kaedah serta formula untuk mengimbangkan perhubungan antara manusia dengan makhluk halus. Ini membolehkan manusia dan semangat hidup dengan aman dan damai.

<sup>6</sup> *Nunuk Ragang* bermaksud pokok Ara merah yang terletak berhampiran Sungai Liwagu dan sungai Gelibang yang mengalir ke arah Timur Ranau dan Tambunan yang menjadi laluan utama migrasi masyarakat Kadazandusun ke seluruh Sabah. Nunuk Ragang juga mengisahkan asal usul keturunan Kadazandusun di negeri Sabah di mana terlalu ramainya penghuni, beberapa pahlawan diarahkan berpindah keluar mencari kawasan baru.



- <sup>7</sup> Herman Luping, *Sabah's Dilemma: The Political History of Sabah, 1960–1994*, (Kuala Lumpur: Percetakan Eshim, 1994), 4.
- <sup>8</sup> Edward B. Tylor, *Primitive Culture: Researches into the Development of Civilization*, (London: J. Murray, 1871).
- <sup>9</sup> Ismail Hamid, *Masyarakat dan Budaya Melayu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 26.
- <sup>10</sup> Michael Kearney, *Worldview*, Second Edition, (University of California: Chabler of Sharp Publisher Inc, 1988), 41-107
- <sup>11</sup> Harun Daud, "Mantera Sebagai Pengucapan Simbolik: Analisis Pemikiran Melayu," (Tesis PhD. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1995), 53.
- <sup>12</sup> *Ibid.*, 54.
- <sup>13</sup> Ini merupakan upacara besar selama sebulan dan memakan belanja banyak yang bertujuan untuk menghormati rumah baru oleh 7 orang *Bobohizan* yang diketuai oleh *Bohungkitas*.
- <sup>14</sup> Ia dipanggil *divato* bahagian teratas kawasan *hibabou* yang merupakan kediaman tetap pencipta mereka-*ih savat kopizo*.
- <sup>15</sup> Merupakan tempat kediaman para semangat yang dilantik oleh Kinoingan untuk membantu manusia antaranya ialah *zonzulai* atau *kombuonogh, kondiu, sinampapas, sumisi* dan lain-lain.
- <sup>16</sup> Merupakan kediaman semangat jahat (ketua-ketua *ompuvan*) yang susah ditembusi kecuali *bobohizan*. Lapisan ini terdapatnya rumah yang cantik daripada tulang manusia dan semangat-semangat menyerupai manusia dan boleh menyebabkan manusia sakit dan meninggal dunia.
- <sup>17</sup> Merupakan cakerawala yang berbeza lapisan mengikut mantera *bobohizan* yang mengandungi matahari, bulan dan bintang yang hampir dengan bumi (*hiniba*) dengan setiap satunya mempunyai peranan dan keistimewaannya (matahari terbit waktu siang dan bulan terbit waktu malam). Pusingan ini akan membantu keseimbangan kehidupan antara manusia dan semangat di alam spiritual *ompuvan, moinat* dan *logon*.
- <sup>18</sup> *Bambaazon* (semangat padi) yang paling dihormati oleh komuniti Kadazan dan dikenali *andavi paii*. Ia sangat sensitif dan harus dipujuk, dirayu dan dijaga dengan baik kerana ia telah banyak berjasa kepada manusia dan sebagai balasan ia akan memastikan pokok padi tidak diganggu oleh semangat lain.
- <sup>19</sup> *Dudui* (penjaga padi) yang banyak membantu manusia yang menetap di atas *divato* dan juga di *hiniba*. Semasa ritual padi (monogit), *bobohizan* akan memanggil mereka.
- <sup>20</sup> Dicipta oleh *Minamangun* sebagai penjaga rumah yang baik dan dipercayai akan membawa nasib dan penyelesaian kepada semua penghuni di rumah tersebut dan kemudian dijamu dalam ritual dengan makanan, minuman, muzik dan tarian.
- <sup>21</sup> *Ompuwan* – merupakan semangat yang menetap di langit dan bumi khususnya di pohon nunuk serta pulau-pulau dan akan mengganggu manusia jika adat dan pantang larang dilanggar.
- <sup>22</sup> *Tombivo* merupakan semangat orang meninggal tidak diterima oleh bumi dan akan mengganggu manusia. Seharusnya mereka akan ditetapkan menginap sama ada di syurga (*divato*) atau neraka (*tongusan*). Roh ini juga boleh mengakibatkan manusia sakit apabila dirasuk dan boleh menyebabkan kematian jika tidak diubat melalui proses ritual.

- <sup>23</sup> *Tompulalangoi* mempunyai ketinggian mencecah awan dan menetap di kawasan pergunungan yang dipenuhi dengan hutan belantara yang akan timbul pada waktu malam sahaja dan akan mengeluarkan cahaya terang seperti lampu suluh. Manusia akan mendapat sakit apabila bertembung dengannya dan jika bernasib baik akan mendapat ilmu ghaib daripadanya. Bagi mengelakkan daripada diganngu, manusia harus memberi sajian kepada mereka.
- <sup>24</sup> Merupakan anak *Poninzuvung* (cucu *Kinoingan*) yang cacat yang dilempar ke hujung dunia yang dipanggil *tongusan*. Ia sebagai semangat yang paling jahat (syaitan), berkeliaran di mana-mana sahaja. Ia perlu dielakkan, dan harus dipujuk, dirayu dan dijamu apabila bertembung untuk mengelakkan daripada mereka menjatuhkan mala petaka.
- <sup>25</sup> Merupakan semangat perempuan yang menetap di tepi hutan berdekatan dengan rumah-rumah di mana ianya bertanggungjawab untuk mengambil roh bayi yang baru meninggal ataupun sedang sakit tenat sebelum meninggal. Roh ini kadangkala juga akan dijamu untuk mengelakkan mereka mengganggu kehidupan manusia. Manakala *todudungkung* yang merupakan jin mata satu menetap di hutan belantara.
- <sup>26</sup> Dianggap sebagai Jin bermata satu yang menetap di hutan belantara.
- <sup>27</sup> Hidup dalam berkelompok dan menjadi penunggu tanah. Manusia harus meminta izin mengerjakan tanah dengan ritual *mogimpit do tana* oleh bobohizan untuk memohon kebenaran menggunakan tanah tersebut dengan memohon mereka berpindah ke tempat lain.
- <sup>28</sup> *Logon gazo*-semangat jahat ataupun syaitan yang berada di atas pokok, rumah, tempat awam dan sebagainya yang boleh menjelma di mana sahaja, mengganggu kehidupan manusia. Ketuanya menginap dalam kubur yang bertanggungjawab untuk menghukum roh orang yang telah meninggal sekiranya mereka berdosa dan telah melakukan pelbagai perbuatan yang tidak baik semasa di dunia.
- <sup>29</sup> *Ombuakar* dan *Tambaig* - menetap di dalam tanah dan sungai yang digambar seperti naga dan akan mengganggu manusia jika mereka diganngu terlebih dahulu.
- <sup>30</sup> Istilah untuk tuhan pencipta dipanggil sebagai *minamangun* atau *minomido* yang berkuasa menentukan perjalanan kehidupan manusia sejak lahir hinggalah mati.
- <sup>31</sup> Temubual dengan Inai Jinggunis, 2003.
- <sup>32</sup> Mircea Eliade, *The Two and The One*, trans. by S.M. Cohen, (Chicago, IL: University of Chicago, 1965), 5.
- <sup>33</sup> *Kombuongoh* atau *Zonzulai* (penjaga *bobohizan*) – semangat *kombuongoh* senantiasa membantu *bobohizan* untuk mengubati penyakit dan mencari roh manusia yang dilarikan oleh semangat jahat.
- <sup>34</sup> Merupakan semangat petir yang tinggal dicelahan awan dan sekali sekala turun ke bumi serta menjaga *bobohizan* semasa mengembara ke langit dalam ritual tertentu.
- <sup>35</sup> Sebagai semangat dalam bentuk buaya dan menetap di dalam sungai, di atas langit dan kadangkala juga akan turun menetap di dalam lautan dan atas bumi. Menjaga *bobohizan* semasa melakukan ritual khususnya mengembara di dalam air mencari roh-roh manusia semasa segmen *modsu'ut*.
- <sup>36</sup> Sebagai penjaga *bobohizan* apabila berada di tempat merbahaya dan akan melindungi roh mereka di sepanjang proses ritual.
- <sup>37</sup> Semangat burung yang begitu simbolik dipercayai membantu menghantar niat pesakit kepada pencipta, mencari semangat orang yang sakit tenat dan yang telah meninggal dunia.

<sup>38</sup> Tempat bersemadinya roh manusia yang telah meninggal-kawasan puncak gunung yang mempunyai sebuah kolam di lereng yang curam. Ia tempat untuk roh manusia tersebut buat selama-lamanya.

<sup>39</sup> Semasa ritual yang memberikan deskripsi terperinci tentang perjalanan mereka ke alam spirituil tersebut. Semasa berada di situ *bobohizan* akan mencedok roh si mati melakukan sesi soal-jawab.

<sup>40</sup> Norazit Selat, *Konsep Asas Antropologi*, (Kuala Lumpur: Mas'adah (M) Sdn. Bhd., 1989), 29.

<sup>41</sup> Ketua Kampung sebagai ketua suku yang diberi kuasa mengendalikan sistem adat. Beliau disanjung tinggi, dihormati dan disegani oleh ahli masyarakat.

<sup>42</sup> Ia merupakan penyimpan mohor adat tradisi yang terdiri daripada orang tua yang bertanggungjawab untuk melantik dan menasihati Ketua Kampung mengenai kepentingan perihal kampung dan adat tradisi. Ahli jemaah konsul bertanggungjawab untuk mendaftarkan undang-undang ataupun adat bagi keamanan di kampungnya.

<sup>43</sup> Mereka adalah pengamal ritual dan pakar rujuk tentang pantang larang Kadazan serta perantara antara alam nyata dan alam ghaib. Mantera atau inait diturunkan kepada mereka oleh *suminundu* (*goddess@supreme deities*) membuktikan perkhidmatan mereka sangat penting dalam kehidupan Kadazan.

<sup>44</sup> Kepala yang dijadikan sebagai trofi selepas musuh dibunuh sebagai suatu amalan kepercayaan yang membuktikan kegagahan dan keberanian serta mendapat pengiktirafan yang tinggi. Trofi tersebut diserahkan kepada *bobohizan* untuk dihidupkan semula, jika didapati ia daripada keturunan yang baik, maka akan disimpan di rumah sebagai penjaga rumah.

<sup>45</sup> M.S. Hood, "Semelai Rituals of Curing," (Tesis PhD. St Catherines College Oxford, 1976), 270.

<sup>46</sup> Ia digubal beberapa kali-menjadi ordinan iaitu *Village Administration Ordinance, Native Administration Ordinance 1937* dan *Courts Ordinance of 1953* dan Ordinance Anak Negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan undang-undang Anak Negeri enakmen no. 3 (1992) dan enakmen no. 10 (1995) yang melindungi hak-hak anak negeri dan adat-istiadat.